



FOTO: MUSTAFFA KAMAL

ABDUL Fattah menemani Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Datuk Nordin Salleh (tengah) melawat gerai koperasi sekolah pada majlis penutupan Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah (AKKS) 2019 Peringkat Kebangsaan anjuran ANGKASA.

KOPERASI JUTAWAN

Oleh Mohamad Hussin
mohamad_hussin@hmetro.com.my

Petaling Jaya

Sebanyak 38 koperasi sekolah di seluruh negara yang mencapai perolehan dari 500,000 hingga 699,999 telah dikenal pasti untuk mencatat pendapatan melebihi RM1 juta menjelang tahun 2025 sekiranya pelbagai perancangan perniagaan dilaksanakan bagi mencapai sasaran berkenaan.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, ANGKASA sudah melaksanakan pelbagai program pembangunan perniagaan koperasi sekolah.

Beliau berkata, antara aktiviti perniagaan koperasi sekolah termasuk kios, ejen bank, taska, dobi, pengendalian kantin sekolah, kafeteria, rumah tamu, inap desa, pelancongan, sewaan loker, penternakan, perkhidmatan spa dan peruncitan.

Katanya, sehingga kini, terdapat sembilan koperasi sekolah berjaya mencapai perolehan melebihi RM1 juta dan ke atas antaranya Koperasi Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kepala Batas Pulau Pinang Berhad, Koperasi MRSM Kubang Pasu Kedah Berhad dan Koperasi Kolej Vokasional Tanah Merah Kelantan Berhad.

Selain itu, Koperasi MRSM Taiping Perak Berhad, Koperasi MRSM Batu Pahat Johor Berhad, Koperasi MRSM Tunku Abdul Razak Pekan Pahang Berhad, Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kota Berhad, Koperasi SMK Tansau Berhad dan Koperasi Sekolah Menengah Agama (SMA) Kuala Lumpur Berhad.

38 sekolah dikenal pasti bakal peroleh pendapatan melebihi RM1 juta menjelang 2025

"Antara cabang perniagaan yang digalakkan koperasi ceburi adalah perniagaan kios yang mana ANGKASA menyasarkan lebih 20 kios koperasi sekolah dibuka setiap tahun," katanya ketika ditemui di Ibu Pejabat ANGKASA, di sini.

Abdul Fattah berkata, kios boleh diusahakan sendiri oleh koperasi atau disewakan kepada pihak lain atau kedua-duanya sekali dan antara jenis kios yang mendapat sambutan ialah kios tetap di tepi pagar kawasan sekolah, kios bergerak dan kios kontena.

"Bilangan kios yang diusahakan koperasi sekolah setakat ini berjumlah 171 pintu membebaskan 84 koperasi sekolah dan ada yang dalam proses pembinaan.

"Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sehingga Jun 2019 sebanyak 2,433 koperasi sekolah telah didaftarkan membabitkan seramai 1.6 juta ahli di seluruh negara dengan jangkaan pendapatan perolehan sehingga Disember 2019 lebih RM500 juta.

"ANGKASA tetap dengan pendirian koperasi sebagai tempat untuk pelajar mendapat latihan keusahawanan dan memupuk nilai kerjasama, kesaksamaan, perpaduan melalui koperasi. Ini selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) yang menyasarkan untuk melahirkan 250,000 usahawan sebagai usaha realisasi sejuta peluang kerjaan di Malaysia dalam tempoh lima tahun," katanya.

Menurut beliau, koperasi sekolah berdaftar dengan Su-

ruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

"ANGKASA berpandangan koperasi sekolah berpotensi menjana pendapatan tanpa mengganggu pembelajaran dalam kelas, malah terbukti mampu memberi latihan pembelajaran yang berkesan di luar kelas.

"Kami turut membantu memberi khidmat nasihat dari segi tadbir urus, kewangan dan pembangunan perniagaan misalnya membantu koperasi mengikut prosedur operasi standard (SOP) perniagaan koperasi sekolah.

"Justeru, Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah (AKKS) yang diwujudkan adalah satu usaha yang tepat bagi meruncurkan kesedaran gerakan koperasi sekolah di Malaysia," katanya.

Abdul Fattah berkata, AKKS sentiasa mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan koperasi sekolah sekali gus dapat mengimbangi antara aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan kurikulum yang baik tanpa menjelaskan pembelajaran pelajar.

"Ia dapat memberi pengiktirafan kepada koperasi sekolah yang terbaik bagi peringkat negeri dan kebangsaan berdasarkan garis panduan AKKS serta menyedari kewujudan koperasi di sekolah dan peranan yang dimainkan untuk mendidik pelajar supaya mempunyai jati diri yang murni selaras dengan prinsip, nilai dan amalan koperasi," katanya.



ANGKASA berpandangan koperasi sekolah berpotensi menjana pendapatan tanpa mengganggu pembelajaran dalam kelas, malah terbukti mampu memberi latihan pembelajaran yang berkesan di luar kelas"

Datuk Abdul Fattah Abdullah

ANUGERAH KECEMERLANGAN KOPERASI SEKOLAH 2019 PERINGKAT KEBANGSAAN

KATEGORI SEKOLAH MENENGAH KERJAAN - KPM

Johan
Koperasi SMK Sultan Badlishah Kulim Kedah Berhad - Kedah

Naib Johan
Koperasi SM Imtiaz Yayasan Terengganu Kuala Terengganu Berhad - Terengganu

Ketiga
Koperasi SMK Pekan Baru Muar Berhad - Johor

KATEGORI MAKTAB RENDAH SAINS MARA

Johan
Koperasi MRSM Batu Pahat Berhad - Johor

Naib Johan
Koperasi MRSM Merbok Kedah Berhad - Kedah

Ketiga
Koperasi MRSM Felda Sungai Berhad - Perak

ANUGERAH KHAS

ANUGERAH PEMBANGUNAN PERNIAGAAN KIOS 2019 TERBAIK

- 1) Koperasi SMK Kota Berhad, Kelantan
- 2) Koperasi SMK Senggarang Batu Pahat Berhad, Johor
- 3) Koperasi SMK Jalan Tiga Bandar Baru Bangi Berhad, Selangor

ANUGERAH PEROLEHAN RM1 JUTA 2019

- 1) Koperasi SMA Kuala Lumpur Berhad, Kuala Lumpur (RM1.3 juta)
- 2) Koperasi SMK Kota Berhad, Kelantan (RM1.2 juta)
- 3) Koperasi SMK Tansau Berhad, Sabah (RM1.2 juta)

ANUGERAH KOPERASI SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS TERBAIK 2019

Koperasi Sekolah Menengah Pendidikan Khas Setapak Kuala Lumpur Berhad, Kuala Lumpur

ANUGERAH AROUND THE WORLD COOP PROJECT 2019

Koperasi MRSM Kepala Batas Berhad, Pulau Pinang

ANUGERAH PENGURUS KOPERASI SEKOLAH TERBAIK 2019

Pertama: Nuinda Alias, Koperasi Maktab Sabah Berhad

Kedua: Zainudin Kushin, Koperasi SMK Pekan Baru Muar Berhad

Ketiga: Baharuddin Ahmad, Koperasi SMK Gemilang Butterworth Berhad

ANUGERAH GURU PEMBIMBING KOPERASI SEKOLAH TERBAIK 2019

Pertama: Nik Mohd Zaini Nik Ab Majid, Koperasi Kolej Vokasional Tanah Merah Berhad

Kedua: Khairul Hazwan Zarkasi, Koperasi MRSM Batu Pahat Berhad

Ketiga: Faridah Md Pungot, Koperasi Kolej Vokasional Klung Berhad

ANUGERAH KOPERATOR KOPERASI TERBAIK (MURID) 2019

Pertama: Imad Hassan Basri Abdul Halim, Koperasi SMK Sultan Badlishah Kulim Kedah Berhad

Kedua: Nur Annis Arriesha Bushrie @ Rie, Koperasi SMK Durian Tunggal Melaka Berhad

Ketiga: Siti Hajar Husna Saiful Azhar, Koperasi SMK Durian Tunggal Melaka Berhad

ANUGERAH LAPORAN AKKS TERBAIK 2019

Pertama: Koperasi SMK Dato' Mahmud Paduka Raja (1) Tanah Merah Berhad

ANUGERAH LAWATAN AKKS TERBAIK 2019

Pertama: Koperasi SMK Sultan Badlishah Kulim Kedah Berhad

INFOGRAPHIC Metro

Perpustakaan Koperasi Malaysia ANGKASA